

PM yakin LTdL kejohanan basikal berprestij di dunia

UM - 7 FEB 2000

Oleh JOHARDY IBRAHIM

KUALA LUMPUR 6 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin perlumbaan Le Tour de Langkawi (LTdL) akan menjadi antara kejohanan lumba basikal paling berprestij di dunia walaupun ia kini belum dapat menandingi Le Tour de France.

Perdana Menteri yakin dengan kemungkinan tersebut memandangkan prestasi penganjuran dan perlumbaan keseluruhan LTdL meningkat dari setahun ke setahun.

Buktinya kata beliau, semakin banyak pasukan ternama dunia kini menyertai LTdL yang telah pun mencipta nama dalam arena sukan lumba basikal.

Beliau berkata, sebenarnya idea awal perlumbaan LTdL hanyalah mengelilingi Langkawi tetapi daripada peringkat awal lagi

para penganjur menetapkan ia turut melibatkan penjelajahan Malaysia dan terbuka kepada para pelumba dunia.

Menurutnya, penarafan LTdL sebagai kejohanan berkelas dunia juga membuktikan kejayaan penganjuran oleh negara untuk menjadikan ia acara tahunan yang dinanti-nantikan.

“Oleh itu saya menyeru rakyat Malaysia untuk melibatkan diri dalam sukan lumba basikal di peringkat sekolah lagi.

“Mungkin 30 tahun atau 40 tahun lagi, ketika saya sudah tiada, ada rakyat Malaysia yang akan menjadi juara dunia dalam bidang lumba basikal,” katanya berucap pada majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang LTdL 2000 di Dataran Merdeka, di sini hari ini.

Perlumbaan LTdL yang tamat hari ini sejak bermula

la 25 Januari lalu meliputi Semenanjung kecuali Terengganu dan Kelantan. Ia menarik penyertaan 150 pelumba daripada 24 pasukan seluruh dunia.

LTdL yang pertama kali dianjurkan pada 1996 diadakan dalam 12 peringkat tahun ini.

Dr. Mahathir berkata, perlumbaan LTdL telah menyaksikan prestasi menakjubkan terutama kemampuan pelumba antarabangsa yang turut berhadapan dengan cuaca panas di Malaysia.

“Perlumbaan LTdL tahun ini adalah yang terbesar pernah diadakan.

“Ia juga pertama kali bagi pasukan lumba dari Amerika Syarikat yang telah mempamerkan persembahan yang sangat baik.

“Pelumba Malaysia pun tidak kurangnya tetapi mereka kenalah berlatih lebih keras supaya satu hari

nanti, juga akan menjuarai LTdL,” katanya.

Pada sidang media kemudiannya, Dr. Mahathir berkata, para penganjur mungkin perlu menambah hadiah wang tunai perlumbaan LTdL pada masa depan untuk menarik minat lebih ramai pelumba antarabangsa.

Ditanya sama ada LTdL akan meliputi seluruh negara pada masa akan datang, beliau berkata LTdL pernah diadakan di Sabah dan Sarawak tetapi kerana kesukaran menguruskan disebabkan jarak dan kos tinggi memaksa LTdL diadakan di beberapa negeri sahaja.

Dr. Mahathir turut mempelawa para pelumba antarabangsa yang bertanding dalam LTdL 2000 supaya mengunjungi Malaysia sekali lagi pada masa hadapan.

“Anda boleh kembali ke

sini bersama kawan atau keluarga untuk melawat Malaysia yang anda dapati aman damai dan harmoni dengan rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum, adat resam dan agama,” katanya.

Perdana Menteri juga melahirkan rasa gembira dan bangga terhadap sokongan padu seluruh lapisan rakyat kepada perlumbaan itu, selain komitmen tinggi para penganjur, penaja dan sukarelawan-sukarelawan dalam memastikan kelincinan perjalanan acara.

Terdahulu, pasukan pelumba profesional Mercury dari Amerika Syarikat diumumkan Juara Keseluruhan Berpasukan di samping meraih tiga gelaran lain iaitu Individu Keseluruhan (Christopher Horner), Raja Pecut Keseluruhan (Gordon Fraser) dan Juara Peringkat ke-12 (Jan Bratkowski).